

“BESAR dan kecil”

Oleh

Zailan Bin Jeman
Sekolah Kebangsaan Tarat,
94700 Serian, Sarawak.

Abstrak

Kajian ini saya jalankan apabila saya mendapati Joji, seorang murid tahun 5 menghadapi masalah menulis huruf besar di tengah perkataan bagi sesetengah huruf. Saya mengambil tindakan seperti memberi bimbingan secara individu secara berterusan di dalam kelas untuk membantu Joji mengatasi masalahnya. Setelah menjalankan bimbingan selama beberapa bulan, usaha saya menampakkan hasil yang boleh dibanggakan. Kini, Joji jarang membuat kesalahan seperti itu lagi. Tetapi usaha saya tidak bernoktah di sini sahaja kerana Joji masih lagi perlu dibimbing kerana dia akan belajar di tahun 6 pada tahun depan.

PENGENALAN

Sekolah Kebangsaan Tarat terletak kira-kira 12 kilometer dari bandar Serian. Sekolah ini berusia lebih 30 tahun. Sekolah ini terletak di dalam kawasan perkampungan yang terdiri dari tiga buah kampung iaitu Kampung Sibala, Melawi dan Mawang. Sekolah ini mempunyai enam buah kelas dan sebuah kelas pra sekolah. Sejak awal penubuhannya, sekolah ini mempunyai lebih kurang 150 murid secara purata setiap tahun. Pada tahun ini, bilangan pelajar adalah seramai 189 orang dengan 14 orang guru dan 4 orang kakitangan sokongan. Saya telah mengajar di sini selama 10 tahun. Kebanyakan pelajar di sini adalah terdiri daripada kaum Bidayah iaitu melebihi 95 peratus (%).

Walaupun sekolah ini terletak tidak begitu jauh dari bandar tetapi kebanyakan murid sekolah ini tidak menghadiri kelas tadika, tabika mahupun pra sekolah sehingga dua tahun lalu apabila kelas tabika dan pra sekolah mula beroperasi di sini. Pendek kata, kebanyakan murid sekolah ini tidak mempunyai asas pendidikan sebelum melangkah ke alam persekolahan sebenar. Oleh hal yang demikian, guru kelas tahun satu terpaksa mengajar murid-muridnya kemahiran-kemahiran asas. Rata-rata murid-murid hanya dapat mengenali A hingga Z dan 1 hingga 10 setelah bersekolah

lebih kurang 4 bulan. Keadaan seperti ini amat berbeza dengan sekolah-sekolah di bandar di mana murid-murid sudah menguasai perkara tersebut sebelum menjejak kaki ke tahun satu.


Sejak mula menjejak kaki ke sekolah ini bermula pada Disember 1993 sehingga tahun 2004, saya hanya mengajar mata pelajaran Sains sebagai mata pelajaran asas di samping mata pelajaran sampingan yang lain. Pada tahun 2005, saya telah diminta mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5. Saya agak kekok pada mulanya tetapi alah bisa tegal biasa, segalanya berjalan lancar.

KEPRIHATINAN SAYA

Kajian saya ini bermula apabila yang menyemak sebuah buku penulisan seorang murid yang saya namakan Joji. Saya dapati Joji menghadapi masalah **membezakan huruf kecil dengan huruf besar bagi beberapa huruf terutama huruf D, P, B, dan sebagainya.**

Contohnya : *DuDuk* *peDas* *teBal*

Pada mulanya, saya berpendapat Joji hanya suka-suka. Maka, saya biarkan sahaja. Saya menyemak latihan Joji dengan cara yang ditetapkan iaitu membulatkan huruf yang salah dengan harapan dia memahami simbol yang saya buat. Sangkaan saya meleset apabila perkara yang sama berulang. Saya berpendapat Joji menghadapi sedikit masalah yang perlu saya tangani segera memandangkan tahun depan dia akan menduduki UPSR. Walau bagaimanapun saya agak kurang pasti apakah tindakan yang sesuai yang patut saya ambil untuk membantu Joji. Rajah 1 menunjukkan hasil kerja Joji.



Rajah 1: Hasil kerja Joji sebelum tindakan

FOKUS KAJIAN SAYA

Setelah saya terpilih untuk menghadiri Kursus/Bengkel Pelan Tindakan anjuran MPBL selama 2 hari bagi Fasa 1(25 dan 26 Februari 2005), barulah saya menyedari bahawa saya seharusnya melakukan sesuatu untuk membantu Joji.

Sebelum ini, saya telah melakukan sesuatu tetapi saya merasai langkah yang saya ambil agak kurang berkesan dan tidak sistematik. Dengan itu, saya memulakan langkah saya berdasarkan pengetahuan yang saya perolehi melalui kursus yang telah saya hadiri itu.

TINJAUAN AWAL

Joji, seorang murid perempuan kelas tahun lima. Dia agak pendiam berbanding pelajar lain. Kalau tidak ditanya, dia tidak akan bersuara semasa proses pengajaran dan pembelajaran (p&p). Seperti kebanyakan murid lain, dia tidak akan bertanya walaupun tidak memahami apa yang diajar. Sebelum membuat latihan sama ada pemahaman mahupun penulisan, Joji akan membuatnya setelah saya memberi penerangan dan yang pasti, beliau tidak akan bertanya semula. Apabila masa membuat latihan tamat, dia akan menghantar bukunya seperti rakan-rakannya yang lain.

Joji tidak ada masalah menyelesaikan segala tugas baik di dalam kelas ataupun kerja rumah. Dari segi kehadiran ke sekolah, Joji seorang murid yang jarang ponteng kecuali sakit atau ada hal-hal yang tidak dapat dielakkan. Pendek kata, dia jarang ponteng. Walau bagaimanapun, saya agak hairan mengapakah beliau sering melakukan kesilapan menulis huruf besar pada tempat yang tidak sepatutnya sedangkan dia sudah berada di tahap 2 (Tahun 5).

OBJEKTIF KAJIAN

Saya pun merancang suatu tindakan untuk membantu:

1. mengurangkan kesilapan menulis huruf besar Joji ke tahap yang paling maksimum; dan
2. menambah baik amalan sendiri dalam p & p.

PERANCANGAN TINDAKAN

Bagi mencapai objektif kajian saya, saya telah merancang satu aktiviti bimbingan individu secara intensif. Setiap kali waktu mata pelajaran Bahasa Melayu, saya memperuntukkan masa sepuluh minit bersama Joji.


Aktiviti ini saya jalankan di kelas iaitu sewaktu murid-murid lain membuat latihan bertulis.. Saya akan memanggil Joji ke meja saya selepas dia menyiapkan latihannya.

PELAKSANAAN TINDAKAN DAN DAPATAN KAJIAN

Aktiviti ini saya mulakan dengan menunjukkan buku latihannya (karangan bertarikh 6/1/05). Kemudian saya akan bertanya apa kesalahan yang telah dibuatnya. Pada mulanya dia tidak tahu apa kesalahannya. Sayapun menjelaskan kesalahan-kesalahan yang telah dibuat oleh Joji satu-persatu dengan merujuk buku latihannya.. Setelah itu, barulah dia tahu dan faham kesalahan yang dibuatnya.


Sayapun menjelaskan secara lisan tentang perkara yang sepatutnya dibuat apabila menulis iaitu ***huruf besar tidak boleh dituliskan di tengah sesuatu perkataan*** kerana perbuatan itu merupakan suatu kesalahan tanda baca. Kemudian saya meminta Joji menulis huruf kecil dan huruf besar bagi abjad A hingga Z sebagai kerja rumah dan kerja rumah itu perlu dihantar keesokannya. Hari berikutnya, saya menerima kerja rumah yang dibuat oleh Joji. Saya mendapati tiada kesalahan yang dibuatnya. Saya beranggapan bahawa Joji boleh mengatasi masalahnya itu. Oleh hal yang demikian, saya pun memberi latihan kepada Joji seperti biasa. Walaupun bagaimanapun Joji masih lagi melakukan kesalahan serupa tetapi agak berkurangan daripada dahulu.

Seterusnya saya lebih kerap membimbing Joji secara individu di dalam kelas untuk membantunya. Saya mengambil beberapa bulan dengan tindakan seperti itu. Saya menegur kesilapannya dari semasa ke semasa melalui buku latihan yang dihantar kepada saya. Melalui program itu, saya mendapati ada perubahan ketara yang berlaku kepada Joji walaupun masih terdapat sedikit kesilapan. Pada 10 Ogos 2005, ketika saya menyemak latihan yang dibuat oleh Joji, saya mendapati ada pengurangan dari segi kesalahan yang sering dibuatnya sebelum ini. Rajah 2 menunjukkan hasil kerja Joji.



Rajah 2: Hasil kerja Joji selepas tindakan

Beberapa hari selepas itu iaitu pada 29 Ogos 2005, saya menyemak buku latihan Joji. Saya mendapati beliau kurang melakukan kesilapan itu lagi iaitu menulis huruf besar di tengah perkataan. Saya berharap agar Joji akan dapat mengatasi masalah itu dan tidak akan mengulanginya lagi. Rajah 3 menunjukkan latihan terkini Joji.



Rajah 3: Hasil kerja terkini Joji

REFLEKSI

Setelah beberapa bulan membuat sedikit penyelidikan dan disusuli dengan tindakan, saya mendapati bahawa pendekatan bimbingan secara individu yang dijalankan agak berkesan terhadap masalah yang dihadapi oleh Joji.

Saya amat bersyukur kerana berpeluang mengikuti kursus Penyelidikan Tindakan anjuran MPBL. Saya berkata demikian kerana jika saya tidak menghadiri kursus seperti ini, mungkin saya tidak begitu pasti apakah tindakan yang akan saya ambil untuk membantu Joji. Setelah mengikuti kursus ini, saya sedar bahawa sesuatu masalah itu harus ditangani dengan cara yang betul dan jangan sama sekali kita membiarkan sesuatu masalah itu berlarutan tanpa ada sebarang usaha untuk menyelesaikannya.

Apabila kita berusaha tentunya ada hasil. Walaupun memakan masa, namun kesabaran perlu ada dalam diri kita sebagai guru. Tidak ada kejayaan datang dalam sekelip mata. Prinsip itu saya amalkan ketika saya berhadapan dengan masalah Joji.

Kesimpulannya, usaha-usaha saya berjaya membantu Joji mengurangkan masalahnya. Kini, Joji jarang melakukan kesilapan seperti itu. Namun sekali-sekala masih ada. Saya akan terus membantu Joji mengatasi sepenuhnya masalah yang dihadapinya memandangkan tahun depan dia akan menduduki UPSR.

Selain itu, sepanjang menjalankan penyelidikan ini, saya mendapati bahawa saya perlu lebih prihatin terhadap masalah anak didik saya. Keprihatinan terhadap sesuatu masalah amat perlu agar kita dapat membantu murid kita mengatasi masalah yang mereka hadapi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Saya akan terus berusaha untuk meneruskan kajian saya terhadap masalah-masalah murid-murid saya dan berusaha untuk membantu mereka setakat terdaya. Sayang rasanya jika ilmu dan pengalaman yang saya perolehi melalui kursus ini hanya disimpan, tidak dikembangkan.

BIBLIOGRAFI

- Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Penyelidikan Tindakan Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Gan Teck Hock. (1999). Mencari titik perseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak*, Jilid 2, No 1, 68-85.
- Jeffery anak Menggu. (2003). "Aya Du." Dalam *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003, 8-9 Oktober 2003*. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Samarahan dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.